

## **KAJIAN RINTIS PEMBANGUNAN MODUL TRANSFORMASI KEPIMPINAN DIRI PELAJAR LUAR KAMPUS**

**Rohana Binti Hamzah<sup>1</sup>, Nurul Ain Fatehah Binti Baharuddin<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang,  
26600 Pekan, Pahang, Malaysia

\*Email: rohanahamzah@ump.edu.my  
Phone: +60197515516

### **ABSTRAK**

Para pelajar universiti merupakan harapan dalam membangunkan negara pada masa akan datang dalam pelbagai bidang dan kepakaran. Namun, proses membangunkan pelajar universiti pada hari ini semakin mencabar dengan peningkatan pelbagai masalah sosial dan tingkahlaku yang dikaitkan dengan mereka. Ini menunjukkan perlunya satu usaha untuk membantu para pelajar bagi meningkatkan kualiti diri mereka, sekali gus membantu meningkatkan kualiti graduan di Institusi Pengajian Tinggi. Fokus kajian ini dibentuk setelah dapatan kajian awal terhadap pelajar yang tinggal di luar kampus mendapati, terdapat empat masalah utama yang dihadapi oleh mereka iaitu masalah perhubungan dengan Pencipta (kecerdasan spiritual), kepimpinan pengurusan diri, hubungan sosial dengan rakan serumah dan pengurusan kediaman. Pelajar-pelajar yang tinggal menyewa di luar kampus hanya terikat dengan Akta 174 dan Akta Institusi Pelajaran (Tatatertib 1976) dan tidak terikat dengan peraturan kolej kediaman. Maka, kegiatan mereka tidak dapat dipantau oleh pihak pengurusan universiti, malah mereka juga lebih bebas dan mudah terdedah dengan pengaruh luar. Oleh itu, kajian ini telah mengambil inisiatif untuk membantu para pelajar dengan membangunkan sebuah modul dengan mengintegrasikan kecerdasan spiritual dan kesedaran pengamalan tanggungjawab sosial untuk dijadikan panduan atau rujukan kepada mereka dalam mendepani dan mengurus kehidupan mereka di luar kampus dengan lebih baik. Seterusnya, kajian rintis telah dilaksanakan dengan melibatkan lima orang pakar untuk ujian kesahan kandungan modul dan 30 responden dalam kalangan pelajar luar kampus Universiti Malaysia Pahang bagi ujian kebolehpercayaan modul. Purata peratus kesahan kandungan modul adalah 78 % dan nilai kebolehpercayaan iaitu nilai *Alpha Cronbach* terhadap instrumen yang dibangunkan untuk mengukur keberkesanan modul adalah 0.86. Dapatan ini menunjukkan isi kandungan modul adalah sah dan nilai kebolehpercayaanya pula menunjukkan ia boleh digunakan untuk mentransformasikan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar luar kampus.

**Kata Kunci:** kecerdasan spiritual, tanggungjawab sosial, pelajar luar kampus, integrasi ilmu dan kepimpinan.

### ***Abstract***

University students are the next generation that should play a very significant role to develop our nation in future in various fields and expertise. However, the process of developing university students today is more challenging since some of them involved in social and behavioral problems as reported in mass media. This demonstrates the need for an effort to help students improve their quality thus helping to improve the quality of graduates from Higher Education Institutions. The focus of this study has been develop based on result from preliminary study on students living off campus. The finding shows that there were four major problems faced by them which is their relationship with Creator (spiritual intelligence), self-management, leadership, social relationships with housemates and residential management. Students staying on renting off campus are only bound by Act 174 and the Education Institutions Act (Discipline 1976) and they are not bound by the rules of the residential college. Hence, their activities cannot be monitored by university management. They are free to choose their own activities and vulnerable to external influences. Therefore, this study is an initiative to assist students by developing a module by integrating spiritual intelligence and awareness of social responsibility to guide them in managing their off campus life. Subsequently, pilot study was conducted by involving five experts to test the validity of the module content and 30 respondents among students from Universiti Malaysia Pahang campus have been involve for module reliability test. The average percentage of module content validity is 78% and the reliability value or Alpha Cronbach's value is 0.86. These finding demonstrates the contents of this module is valid and its reliability result indicates that it can be used to transform leadership skills among off campus students.

**Keywords;** Spiritual intelligence, social responsibility, off campus students, integration of knowledge and leadership.

### **PENGENALAN**

Masalah sosial dalam kalangan pelajar amat membimbangkan terutamanya pelajar-pelajar di peringkat pengajian tinggi, yang mula merasai pengalaman bebas daripada kawalan ibubapa. Dengan itu, proses adaptasi dan latihan hidup berdikari daripada alam remaja kepada alam dewasa yang berlaku di universiti menjadi titik penentu kepada kualiti pembangunan modal insan negara. Kepentingan proses pembangunan diri pelajar di peringkat ini tidak dapat disangkal lagi. Oleh itu, mereka perlu diasuh dan dididik sebaik mungkin, bukan hanya dengan ilmu sebagai persiapan kerjaya tetapi juga dengan pembangunan sahsiah dan kekuatan dalaman yang perlu dijadikan teras, bagi membangunkan seorang insan yang bermanfaat baik kepada diri sendiri mahupun masyarakat.

Fokus kajian ini adalah kepada pelajar-pelajar universiti yang tinggal menyewa di luar kampus. Sasaran pelajar ini dipilih kerana mereka berada di luar kawalan pihak pengurusan universiti. Malah, mereka juga hanya terikat dengan Akta 174 dan Akta Institusi Pelajaran (Tatatertib 1976) dan bukan dengan peraturan kolej kediaman. Oleh yang demikian, mereka akan lebih mudah terdedah dengan gejala atau pengaruh luar yang negatif. Dengan itu, para pelajar perlu mempunyai kekuatan dalaman yang tinggi bagi mengelakkan daripada terjebak daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan, bukan hanya kepada diri malah masa depan mereka sendiri. Oleh itu, ilmu kecerdasan spiritual perlu dipasak kukuh dalam diri mereka sebagai asas untuk diterjemahkan dalam pengamalan tanggungjawab sosial kepada diri, rakan dan masyarakat secara praktikal berdasarkan masalah sebenar yang mereka hadapi.

### **KECERDASAN SPIRITUAL ASAS MEMBANGUNKAN INSAN SEIMBANG**

Menurut Zulkiple dan Salimah (2006), pembangunan insan bermaksud pengembangan, pembinaan dan peningkatan potensi insan dari segi spiritual, akal, emosi dan jasmani serta pembangunan potensi dalam setiap aspek yang boleh menambah nilai melalui pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, keperibadian dan sebagainya. Pembangunan berteraskan penghayatan agama merupakan asas terpenting untuk membangunkan keupayaan daya kawal manusia dari sudut tingkah laku. Penekanan seharusnya diberikan dalam mengimbangi pembangunan fizikal, pemikiran, kemahuan, perasaan dan kerohanian. Abd Rahman Ahmad (2006), menggambarkan aspek pembangunan manusia melalui model dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1 Aspek Pembangunan Manusia

Sumber: Abd Rahman Ahmad (2006)

Aspek kerohanian atau spiritual perlu dibangunkan dengan berkesan bersandarkan agama sebagai rujukan. Agama yang berteraskan akidah yang sebenar dapat membentuk insan yang seimbang. Menurut Elmi dan Zainab (2015) kecerdasan rohaniah mampu menjadikan manusia yang unggul dengan membina hubungan baik dengan Allah SWT, di samping hubungan sesama manusia dan alam. Keperluan ini amat penting untuk membentuk insan yang berakhlak.

Menurut Zohar dan Marshall (2001), kecerdasan dalaman atau spiritual (*Spiritual Quotient* disingkatkan SQ) adalah kecerdasan untuk memecahkan persoalan makna dan nilai, mengenai tingkah laku dan kehidupan dalam konteks makna yang luas. Ia adalah mengenai kemampuan individu dalam memahami, kesedaran sendiri, kemampuan bagi menyelesaikan masalah, kemampuan menghadapi masalah dan melihat sesuatu perkara dari pelbagai sudut. Selain itu, menurut Hasan (2006) spiritual pula mewakili satu perkataan yang sangat luas, ia mempunyai kaitan dengan spirit iaitu sesuatu yang memiliki kebenaran yang abadi serta mempunyai hubungan dengan tujuan hidup manusia yang bersifat duniawi dan sementara. Menurut Feng, Xiong dan Li (2017) pula, kecerdasan spiritual adalah kemampuan dalam berhubung dengan orang lain atau komuniti, keupayaan dalam menentukan makna hidup melalui pengalaman dan persepsi.

Ciri-ciri kecerdasan spiritual yang berkembang dalam diri (Zohar & Marshall, 2001)

- i. Kemampuan bersifat fleksibel
- ii. Mempunyai tingkat kesedaran yang tinggi
- iii. Kemampuan untuk menghadapi penderitaan dan mengambil pengajaran darinya
- iv. Kemampuan menghadapi kesakitan
- v. Kehidupan berpandukan visi dan nilai
- vi. Tidak melakukan perkara yang sia-sia
- vii. Cenderung melihat sesuatu perkara mempunyai kaitan antara satu sama lain
- viii. Cenderung untuk bertanya “mengapa” atau “bagaimana” untuk mendapatkan jawapan

Insan yang memiliki SQ yang tinggi cenderung untuk menjadi pemimpin yang bertanggungjawab membawa visi dan nilai yang lebih tinggi, supaya dapat memberi inspirasi terhadap orang lain (Zohar dan Marshall 2001). Kecerdasan spiritual perlu ada dalam diri setiap manusia di atas muka bumi terutamanya para pelajar yang bakal memimpin negara satu hari nanti.

Fungsi kecerdasan spiritual (Zohar dan Marshall 2001)

- i. Memberi potensi kepada manusia untuk terus berkembang
- ii. Menjadikan seseorang itu lebih kreatif, berfikiran luas dan mempunyai wawasan
- iii. Dapat menghadapi masalah dan penderitaan dengan positif
- iv. Lebih mendekatkan diri dengan kehidupan beragama
- v. Menyatukan hal bersifat interpersonal dan personal antara diri dan orang lain

- vi. Mencapai kematangan peribadi yang lebih utuh
- vii. Proaktif dan positif

Kekuatan dalaman yang berpegang teguh dengan keimanan mampu memastikan perjalanan kehidupan ke arah kebahagiaan, ia memerlukan dorongan dan usaha untuk mencapai kebenaran. Menurut Ridwan dan Siti (2016), dengan adanya kecerdasan spiritual, seseorang manusia itu akan mampu menempuhi dan menghadapi sebarang halangan dalam kehidupan. Dalaman diri manusia perlu bersatu dengan akhlak dan ibadat, agar mampu mengubah manusia secara keseluruhan, dari pelbagai aspek sama ada perilaku, pemikiran dan tindakan. Bahagian-bahagian yang ada dalam diri adalah potensi yang harus dikembangkan untuk menjadi keperluan membina kebahagiaan dalam kehidupan.

Kecerdasan spiritual ini perlu dipraktikkan oleh masyarakat terutamanya kepada pelajar-pelajar universiti. Dalam menyusuri kehidupan pastinya akan berhadapan dengan pelbagai dugaan atau cabaran yang perlu ditempuhi. Namun, jika para pelajar ini tidak dapat mengharungi dan menyelesaikan secara bijak pasti kebuntuan adalah jawapannya. Kecerdasan spiritual perlu diterapkan dalam diri setiap para pelajar agar dapat memilih jalan yang betul, bagi membentuk diri menjadi insan yang berkeperibadian baik dan berjaya. Penjagaan akhlak dan tingkahlaku adalah sangat penting malah, perlu ditambahkan dengan kecerdasan spiritual kepada semua lapisan masyarakat. Sesungguhnya, membangunkan potensi spiritual adalah asas untuk membangunkan jati diri dan kawalan dalaman manusia untuk membentuk insan yang bersahsiah.

Oleh itu, para pelajar perlu dipimpin dan sentiasa diingati agar mereka tidak terpesong memilih jalan yang sesat, terutamanya pelajar yang tinggal di luar kampus. Sehubungan dengan itu, menurut Alauddin (2003), sentuhan kemanusiaan adalah lebih bermakna berbanding dengan hukuman dalam menguruskan insan. Sentuhan dari insan yang memiliki kestabilan emosi, kesopanan tingkah laku, kekuatan dorongan dan kemurnian hubungan amat penting dalam usaha membina insan yang bersahsiah. Di sini, peranan pihak universiti dilihat amat penting dalam membantu pelajar luar kampus membentuk keperibadian serta melahirkan insan yang bersahsiah.

## **KECERDASAN SOSIAL SEBAGAI PEMIMPIN**

Salah satu anugerah terbesar Allah SWT adalah dengan mencipta manusia yang memiliki akal, iman dan takwa. Anugerah akal yang diberikan oleh Allah untuk membantu manusia membezakan perkara yang baik dan buruk. Allah menciptakan manusia mempunyai kelebihan berbanding makhluk yang lain. Namun terdapat manusia yang sombong untuk membuat kebaikan

dan hanya memikirkan kepentingan diri semata-mata. Allah telah berfirman dalam Al-Qur'an bermaksud:

*“Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah menundukkan apa yang ada di bumi untuk (kepentingan) kamu dan menyempurnakan nikmatNya untukmu zahir dan batin. Tetapi dalam pada itu, ada di antara manusia yang membantah tentang (keesaan) Allah tanpa ilmu dan petunjuk dan tanpa kitab yang memberi penerangan”.*

(Surah Luqman 31:20)

Melalui ayat ini Allah telah menetapkan kedudukan yang tinggi kepada manusia, hanya manusia sendiri yang akan membuat pilihan untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pemegang amanah dan khalifah di atas muka bumi ini atau tidak. Sebenarnya, menurut Kamal, Indriaty dan Nasir Omar (2014), Allah telah melengkapkan potensi-potensi manusia sebagai pemimpin dengan menjadikan manusia sebagai makhluk sempurna yang mempunyai roh dan jasad, diberi pancaindera, nafsu, akal untuk berfikir, hati dan dapat membezakan baik dan buruk. Kemampuan untuk membezakan baik dan buruk inilah yang akan menentukan kematangan seseorang dalam membuat keputusan terhadap pelbagai masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Kemampuan ini tidak ada pada makhluk yang lain melainkan manusia yang perlu memilih di antara kebaikan dan keburukan. Kesempurnaan akan terjadi sekiranya manusia dengan kesedaran dirinya memilih kebaikan dan meninggalkan keburukan. Kemampuan inilah yang menjadikan manusia berada di kedudukan tertinggi di antara makhluk dan dilantik sebagai pemimpin iaitu pemegang amanah. Dengan itu, manusia bertanggungjawab dalam memelihara dan memakmurkan bumi sebagai hamba Allah SWT.


Menurut, Baharom, Johdi dan Noraini (2009), pemimpin yang efektif terdiri daripada mereka yang memiliki motivasi tinggi, cenderung menunjukkan minat yang mendalam serta melibatkan diri dalam penambahbaikan demi pembentukan diri yang lebih baik. Sesungguhnya pada dasar, manusia memiliki kemampuan yang istimewa dalam diri mereka, ia perlu diasah dan diperkembangkan. Namun, setiap manusia mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Di sinilah meletakkan manusia saling bergantung dan melengkapi antara satu sama lain (Hamidah, Norlin & Shah Rollah, 2009). Potensi bagi setiap individu adalah berbeza mengikut pengetahuan, pengalaman, ketrampilan dan pendidikan yang dimiliki. Oleh itu setiap manusia mempunyai peranan atau fungsi dalam mengurus kehidupan yang dipinjam ini dengan sebaik mungkin.

Bagi melahirkan pemimpin, potensi remaja-remaja pada masa kini perlu digilap dan disalurkan ke arah kehidupan yang lebih bermatlamat pada peringkat awal. Justeru, penerapan nilai-nilai yang positif perlu diserapkan di dalam jiwa anak-anak remaja bagi melahirkan belia

yang berkualiti dari pelbagai aspek, terutamanya pelajar-pelajar universiti yang juga merupakan golongan cerdik pandai yang akan memikul tanggungjawab kepimpinan pada masa akan datang. Manusia perlu memahami potensi yang tersimpan dalam diri, ia bermula dari dalaman sehingga akan membantu manusia untuk menentukan arah dan mengawal tindakan dalam kehidupan.

## KERANGKA KONSEP KAJIAN


Dalam kajian ini penyelidik telah merujuk kepada Model Pembangunan Perubahan Diri Secara Holistik (Afzamiman, 2012). Model ini menjelaskan perkaitan di antara garisan menegak dan melintang dalam kehidupan manusia. Garisan menegak merupakan hubungan spiritual di antara manusia dan Pencipta. Garisan melintang pula, adalah hubungan fizikal di antara manusia dengan manusia dan manusia dengan persekitaran. Jika manusia tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Pencipta atau tidak mendekati diri dengan Pencipta, maka hubungan di antara manusia dengan manusia atau manusia dengan persekitaran akan menjadi tidak baik. Seorang manusia perlu menjaga hubungannya dengan Pencipta untuk melahirkan manusia yang bertakwa dan beriman. Daripada keteguhan iman akan mencegah seseorang daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Pencipta. Sekali gus membawa hubungan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan persekitaran akan menjadi lebih baik. Dengan memelihara hubungan dalaman akan dapat menzahirkan kepada tingkah laku, membuat keputusan dan tindakan yang lebih baik dalam kehidupan. Rajah di dibawah menunjukkan Model Pembangunan Perubahan Diri Secara Holistik daripada Afzamiman.



Rajah 2 Model Pembangunan Perubahan Diri Secara Holistik (Afzamiman, 2012)

## METODOLOGI

Kajian rintis dijalankan untuk menguji kesahan kandungan modul dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang telah dibangunkan untuk menguji modul Transformasi Kepimpinan Pelajar Luar Kampus. Prosedur kajian rintis dimulakan dengan ujian kesahan. Seterusnya adalah ujian kebolehpercayaan kepada para pelajar dengan menggunakan borang soal selidik dan temubual. Setelah itu, analisis data dilakukan bagi ujian kesahan dan kebolehpercayaan menggunakan *Alpha Cronbach*. Akhirnya laporan dapatan kajian dilakukan dalam Rajah 3.



Rajah 3 Prosedur Kajian Rintis

### i. Metodologi Ujian Kesahan Kandungan Modul

Pengesahan kandungan modul bagi kajian ini, melibatkan lima orang pensyarah daripada Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), dua daripadanya merupakan pakar dalam bidang Sains Kemanusiaan, dua darinya lagi adalah pakar dalam bidang kemahiran insaniah dan seorang pakar dari bahagian Jabatan Bahasa Inggeris merangkap Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan. Rujuk Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Bilangan Pensyarah Kesahan Kandungan Modul

Institusi	Bidang	Bilangan Pensyarah
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK)	Sains Kemanusiaan	2
	<i>Soft skill</i>	2
	Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan) Jabatan Bahasa Inggeris	1



Bagi menilai kesahan modul, penyelidik menggunakan Formula Pengiraan Kesahan Kandungan Modul Sidek dan Jamaludin (2005). Bermula dengan mendapatkan jumlah skor yang diberikan daripada pakar (x) dan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y). Seterusnya didarabkan dengan 100. Hasil yang diperolehi adalah dalam bentuk peratusan. Rujuk rajah 4 Formula Pengiraan Kesahan Kandungan Modul. Setelah itu, bagi mendapatkan purata peratusan pula, skor kesahan kandungan bagi setiap pakar akan ditambahkan dan dibahagikan dengan jumlah pakar yang terlibat. Menurut Sidek dan Jamaluddin (2005) peratusan yang melebihi 70% adalah mempunyai kesahan kandungan yang baik. Rujuk Jadual 2 Purata Peratusan Kesahan Kandungan Modul.

$\frac{\text{Jumlah skor pandangan pakar (x)}}{\text{Jumlah keseluruhan skor (y)}} \times 100 = \text{Skor Kesahan Kandungan}$
--

Rajah 4 Formula Kesahan Kandungan Modul (Sidik dan Jamaludin, 2005)

Jadual 2 Purata Peratusan Kesahan Kandungan Modul.

Pakar	Jumlah Skor Pakar	Tahap Kesahan Modul Menurut Pakar%
P1	A	$A/40 \times 100\% = V$
P2	B	$B/40 \times 100\% = W$
P3	C	$C/40 \times 100\% = X$
P4	D	$D/40 \times 100\% = Y$
P5	E	$E/40 \times 100\% = Z$
<b>Tahap Kesahan Modul</b>		$= (V+W+X+Y+Z)/5$ $= F \% \geq 70\%$

#### ii. Metodologi Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Terdapat 4 cara untuk mengukur kebolehpercayaan iaitu ketekalan dalaman, statistik, teknik bahagi dua, dan teknik uji-uji semula (Rozmi, 2015). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah ketekalan dalaman, yang memerlukan pengukuran dengan menggunakan program *Statistical Packages for The Social Sciences* (SPSS) untuk melihat tahap Alpha Cronbach.

Nilai Alpha Cronbach dalam mentaksir kebolehterimaan instrumen kajian adalah berpandukan Bond dan Fox, 2007, dalam Faizal, Bekri, Ruhizan dan Ridzwan (2014).

Jadual 3 Interpretasi Skor Alpha-Cronbach (Bond dan Fox, 2007, dalam Faizal, Bekri, Ruhizan dan Ridzwan, 2014)

<b>Skor Alpha-Cronbach</b>	<b>Kebolehpercayaan</b>
0.9-1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7-0.8	Baik dan boleh diterima
0.6-0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Pemilihan pelajar adalah berdasarkan kepada ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh penyelidik, iaitu pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) tahun dua yang tinggal di luar kampus dan tinggal serumah bersama-sama rakan dari universiti yang sama iaitu UMP. Penyelidik tidak memilih pelajar yang tinggal bersama ahli keluarga atau daripada universiti yang berlainan. Ini kerana untuk memudahkan penyelidik membuat penilaian.

Borang soal selidik dibina berdasarkan soal selidik yang telah dibina oleh Hussin (2013). Instrumen daripada penyelidik tersebut bersesuaian dengan kajian penyelidik, namun penyelidik melakukan sedikit penyesuaian berikutan terdapat perbezaan sasaran yang dipilih. Sasaran penyelidikan Hussin adalah pelajar-pelajar sekolah menengah manakala sasaran penyelidikan bagi kajian ini pelajar-pelajar universiti yang tinggal di luar kampus. Taburan borang soal selidik dibahagikan kepada dua iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengenai demografi responden, manakala bahagian B menumpukan kepada perhubungan dengan Pencipta, kepimpinan pengurusan diri, hubungan sosial dengan rakan serumah dan kepimpinan pengurusan tempat kediaman. Kajian ini menggunakan skala likert dengan 4 pilihan jawapan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Jadual 4 menunjukkan skor bagi tahap kesahan kandungan modul TKDPLK mengikut pandangan pakar yang dilantik.

Jadual 4 Tahap Kesahan Kandungan Modul

Bil	Pernyataan	Skor Penilaian				
		P1	P2	P3	P4	P5
1	Rekaan kulit modul sesuai	4	4	4	5	4
2	Objektif modul sesuai dengan kumpulan sasaran	4	3	4	4	4
3	Kandungan modul sesuai dengan objektif pembangunan kecerdasan spiritual pelajar luar kampus	4	4	4	4	3
4	Isi kandungan modul sesuai dengan objektif pembangunan transformasi kepimpinan pelajar	4	4	4	4	4
5	Ciri-ciri modul sesuai dengan kumpulan sasaran	4	4	4	4	4
6	Teori pembangunan insan sesuai dengan objektif dan kumpulan sasaran	4	4	4	4	4
7	Perkembangan isi modul menarik dan sesuai	3	3	4	4	4
8	Aktiviti yang dirancang bagi setiap topik sesuai dan menarik	3	3	4	4	4
<b>Jumlah</b>		30	29	32	33	31
<b>Indikator Penilaian</b>						
1-Sangat Tidak Bersetuju, 2-Tidak Bersetuju, 3-Kurang Bersetuju, 4-Setuju, 5-Sangat Setuju						

Berdasarkan Jadual 4 jumlah skor P4 (pakar) adalah yang tertinggi dalam semakan modul TKDPLK iaitu sebanyak 33 skor. Manakala, P2 memberikan jumlah skor terendah iaitu sebanyak 29 skor. Pengiraan tahap kesahan kandungan modul adalah sebagaimana berikut;

$$\frac{P1 + P2 + P3 + P4 + P5}{5} = \frac{75 + 73 + 80 + 83 + 78}{5} = 78\%$$

Peratus purata kesahan kandungan yang diperolehi daripada formula di atas adalah 78% lebih daripada nilai minima 70%. Dengan itu, Modul TKDPLK mempunyai kesahan kandungan yang baik. Ini menunjukkan modul sesuai untuk digunakan kepada para pelajar. Dalam kesahan kandungan modul, seramai 5 orang pakar terlibat. Pakar-pakar telah memberikan komen dan cadangan dalam menambahbaik modul TKDPLK. Setiap komen dan cadangan yang diberikan dapat membantu penyelidik memantapkan lagi kandungan modul. Jadual 5 menunjukkan komen dan cadangan penambahbaikan daripada pakar.

Jadual 5 Cadangan Penambahbaikan Kandungan Modul

Senarai Pakar	Komen dan Cadangan
P1	a. Terdapat kesalahan penggunaan huruf besar yang sepatutnya ditaip dengan huruf kecil b. Gambar di dalam modul perlu dimasukkan sumber yang diperolehi
P2	a. Terdapat kesalahan ejaan b. Kesalahan tatabahasa 'di' jarak dekat dan jauh
P3	a. Kesalahan 'di' dan 'ke' dalam ayat b. Terdapat kesalahan ejaan
P4	a. Kenyataan yang dinyatakan perlu dimasukkan rujukan
P5	a. Modul yang baik dan mantap b. Modul perlu lebih menarik bagi menarik minat pelajar





Hasil daripada komen dan cadangan yang diberikan daripada pakar mendapati, majoriti masalah adalah berkenaan dengan teknikal seperti penggunaan tatabahasa dan kesalahan ejaan. Terdapat juga pandangan dan komen daripada P5 yang mengkategorikan Modul TKDPLK sebagai modul yang baik dan mantap namun modul perlu lebih menarik lagi bagi menarik para pelajar untuk mengikuti modul ini.

### **PENAMBAHBAIKAN KANDUNGAN MODUL TKDPLK BERDASARKAN UJIAN KESAHAN**

Daripada semua komen dan cadangan yang diberikan oleh pakar-pakar yang terlibat, penyelidik telah melakukan penambahbaikan dalam kandungan modul TKDPLK. Jadual 6 menunjukkan penambahbaikan kandungan modul yang telah dibaiki oleh penyelidik.

Jadual 6 Penambahbaikan Kandungan Modul Yang Telah Dilakukan.

Pakar (P)	Komen Dan Cadangan	Sebelum	Selepas
P1	a. Terdapat tulisan dalam huruf besar sepatutnya ditulis dengan huruf kecil	a(i). ... dan PENYEMPURNAAN PERANCANGAN yang... (ms 28)	a(i). ... dan penyempurnaan perancangan yang... (ms 28)
	b. Gambar di dalam	a(ii). ... MASA ADALAH	a(ii). ... masa adalah

modul perlu dimasukkan sumber diperoleh	MODAL TERPENTING... (ms 38)	modal terpenting... (ms 38)
	a(iii). ...SYUKUR ALHAMDULILLAH... (ms 40)	a(iii). ...syukur alhamdulillah ... (ms 40)
	b(i). ms 9	b(i). ms 9
		 Gambar dimuat turun: <a href="https://pixabay.com/en/mahandsome-male-model-guy-885223/">https://pixabay.com/en/mahandsome-male-model-guy-885223/</a>
	b(ii). ms 22	b(ii). ms 22
		 Gambar dimuat turun: <a href="https://www.flickr.com/photos/23629083@N03/6098106484/in/photostream/">https://www.flickr.com/photos/23629083@N03/6098106484/in/photostream/</a>

Jadual 6 Penambahbaikan Kandungan Modul Yang Telah Dilakukan (sambungan)

Pakar (P)	Komen Dan Cadangan	Sebelum	Selepas
P2	a. Typo kene betulkan	a(i). ... perlu merancang dan... (ms 2)	a(i). ... perlu merancang dan... (ms 2)
	b. 'di' jarak dekat dan jauh banyak kesalahan	a(ii). ... mewujudkan keterikatan jiwa... (ms26)	a(ii). ... mewujudkan keterikatan jiwa... (ms26)
		a(iii). ... kepada pasarta mengenai...(ms41)	a(iii). ... kepada peserta mengenai... (ms41)
		b(i). ...direkabentuk diatas keprihatinan...(ms1)	b(i). ...direkabentuk di atas keprihatinan... (ms 1)
		b(iii). ... membezakan diantara pilihan...	b(iii). ... membezakan di antara pilihan...

		(ms 5)	(ms5)
		b(iv). ... baik dialam kerjaya... (ms 11)	b(iv). ... baik di alam kerjaya... (ms 11)
P3	a. Kesalahan 'di' dan 'ke' dalam ayat	a(i). ... persoalan "dimana Pencipta" ... (ms13)	a(i). ... persoalan "di mana Pencipta" ... (ms13)
	b. Terdapat kesalahan ejaan	a(ii). ... hilanglah keseimbangn. (ms17)	a(ii). ... hilanglah keseimbangan. (ms17)
		b(i). ... <i>output</i> bermanfaat kepada... (ms24)	b(i). ... <i>output</i> bermanfaat kepada... (ms24)
		b(ii). ... dan balajar daripada... (ms35)	b(ii). ... dan belajar daripada... (ms35)
		b(iii). ... mereka samaada lebih... (ms41)	b(iii). ... mereka sama ada lebih... (ms41)

Jadual 6 Penambahbaikan Kandungan Modul Yang Telah Dilakukan (sambungan)

Pakar (P)	Komen Dan Cadangan	Sebelum	Selepas
P4	a Terdapat kenyataan perlu dimasukkan rujukan	a(i). Bukan sahaja memberi jawapan tetapi pada masa yang sama telah membuat perjanjian dengan Pencipta	a(i). Menurut Syed M. Naquib Al-Attas dalam Wan Mohd Nor (2005) bukan sahaja memberi jawapan tetapi pada masa yang sama telah membuat perjanjian dengan Pencipta.
P5	a. Modul yang baik dan mantap b Modul perlu lebih menarik bagi menarik minat pelajar	b(i) Dalam kajian ini penyelidik hanya membuat kajian untuk mengetahui kesahan kandungan modul dan kebolehpercayaan instrumen	

Seterusnya dapatan ujian kebolehppercayaan menggunakan kaedah ketekalan dalaman Alpha Cronbach *if item deleted* ditunjukkan didalam jadual-jadual berikut.

i. Perhubungan dengan Pencipta

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Percaya adanya Pencipta	39.5667	70.806	.923	.949
Percaya Pencipta memberi ketenangan	39.6000	70.110	.960	.948
Keyakinan Pencipta berani hadapi cabaran	39.7000	69.321	.962	.947
Kuat hubungan Pencipta memberi makna	39.6667	69.402	.960	.947
Keyakinan adanya Tuhan berasa selamat	39.7333	69.237	.964	.947
Keyakinan adanya Tuhan rasa tidak bersendirian	39.7333	69.306	.928	.949
Rasa baik tidak perlu mengetahui tujuan hidup	41.3667	80.102	.231	.981
Keyakinan adanya Tuhan mampu mengawal tingkah laku	39.9000	70.162	.879	.951
Tanpa agama berasa lebih bebas	39.7667	74.254	.636	.960
Memilih untuk membuat kebaikan mematuhi perintah Pencipta	39.6667	70.161	.946	.948

Cronbach's Alpha	N of Items
.958	10

*Alpha Cronbach if item deleted* yang paling tinggi adalah 0.981 'Rasa baik tidak perlu mengetahui tujuan hidup'. Penyelidik mengambil keputusan untuk tidak membuang item berkenaan kerana dilihat penting bagi mengetahui perasaan sebenar responden mengenai kehidupan yang dijalani. Adakah para pelajar menjalani kehidupan secara sambil lewa atau mengambil serius mengenai perjalanan hidup mereka. Selain itu, dapat dilihat bahawa alpha Cronbach bagi keseluruhan adalah tinggi iaitu sebanyak 0.958. Daripada Bond dan Fox, 2007, dalam Faizal, Bekri, Ruhizan dan Ridzwan (2014) nilai kebolehppercayaan yang melebihi 0.80 adalah baik dan boleh diterima.

ii. Kepimpinan pengurusan diri

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Berusaha memimpin ke arah kebaikan	28.1667	34.902	.710	.801
Bersedia belajar hadapi cabaran di luar kampus	28.4667	35.913	.636	.809
Leka dengan hobi gagal urus masa dengan baik	30.2000	41.476	.172	.853
Bebas menentukan cara hidup	29.1000	34.645	.545	.819
Suka tidur lewat sukar bangun pagi	29.9000	40.438	.140	.870
Berasa lebih bertanggungjawab terhadap pelajaran	29.2333	34.806	.670	.805
Lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap pengurusan diri	28.4333	33.082	.829	.786
Menjadikan lebih bersemangat untuk berjaya	28.9667	34.585	.671	.804
Ilmu kemanusiaan membantu menjalani kehidupan di luar kampus	28.6000	34.731	.705	.801

Cronbach's Alpha	N of Items
.835	9

Hasil dapatan bagi kategori kepimpinan pengurusan diri pula bagi nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach if item deleted* paling tinggi ialah 0.870 'Suka tidur lewat sukar bangun pagi'. Item ini begitu sinonim dengan kehidupan para pelajar. Oleh itu, bagi melihat kesahihan kenyataan tersebut, item ini tidak dibuang. Malah, hasil keseluruhan alpha Cronbach juga menunjukkan nilai yang tinggi iaitu 0.835, berada dinilaian yang baik.

iii. Transformasi Pengurusan Sosial Dengan Rakan Serumah



	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Menegur rakan serumah apabila mereka membuat kesilapan	31.8000	36.372	.662	.794
Menerima teguran rakan	31.2667	37.099	.667	.796
Rakan serumah sering mempengaruhi saya melakukan aktiviti tidak berfaedah	33.2000	45.338	-.108	.874
Tetap membantu rakan walaupun pernah berselisihan faham	31.2667	36.340	.745	.789
Berusaha mempengaruhi akhlak yang baik dalam kalangan rakan serumah	31.4333	36.254	.731	.790
Berbincang dengan rakan serumah jika terdapat masalah	31.8000	35.476	.747	.786
Selalu solat berjemaah bersama rakan serumah	32.4000	36.938	.500	.810
Selalu beriadah bersama rakan serumah	31.7667	33.771	.601	.799
Kehidupan luar kampus menjadikan hubungan dengan rakan serumah lebih rapat dan mesra	31.5000	34.328	.709	.786
Tidak suka rakan serumah mengganggu 'privacy' saya	31.8667	40.257	.223	.840

Cronbach's Alpha	N of Items
.824	10

Kebolehpercayaan *alpha Cronbach if item deleted* bagi data hubungan sosial dengan rakan serumah menunjukkan 0.874 iaitu 'Rakan serumah saya sering mempengaruhi saya melakukan aktiviti tidak berfaedah'. Item ini penting dalam mempengaruhi hubungan sosial antara rakan serumah. Oleh itu, item berkenaan tidak digugurkan dalam borang soal selidik ini. Nilai keseluruhan *Alpha Cronbach* juga tinggi dan boleh diterima iaitu sebanyak 0.824.

iv. Transformasi Pengurusan Kediaman

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Tidak pernah membuat kerja rumah sebelum tinggal di luar kampus	33.8667	52.602	.678	.795
Tidak kisah rumah dalam keadaan berselerak	34.1667	51.178	.708	.791
Sering terlupa meletakkan kembali barang	34.0667	58.823	.509	.813
Tiada masa untuk menyusun dan membersihkan rumah	35.6000	70.386	-.017	.844
Sering bergotong-royong membersihkan rumah	34.2333	57.564	.603	.804
Menjaga kebersihan tanggungjawab diri dan rakan serumah	32.9000	64.024	.341	.826
Membiarkan paip air terbuka semasa memberus gigi	34.1667	57.730	.490	.815
Diri dan rakan serumah mengambil berat tanggungjawab menguruskan rumah	33.3667	61.895	.578	.811
Disediakan tempat untuk meletakkan barang	33.4667	60.947	.518	.813
Suka untuk mencuci tandas dirumah sewa	33.9667	59.895	.470	.816
Berasa selamat tinggal di dalam rumah	33.5333	59.499	.523	.812

Cronbach's Alpha	N of Items
.828	11

Nilai yang paling tinggi untuk Alpha Cronbach *if item deleted* adalah 0.844 iaitu 'Tiada masa untuk menyusun dan membersihkan rumah'. Item ini menunjukkan komitmen para pelajar dalam memastikan keadaan persekitaran kediaman bersih dan selesa. Oleh itu, penyelidik tidak membuang item berkenaan. Selain itu, nilai keseluruhan alpha juga adalah tinggi iaitu 0.828.

v. Keseluruhan Kebolehpercayaan Instrumen

Berikut merupakan dapatan nilai keseluruhan *alpha Cronbach* bagi perhubungan dengan Pencipta, kepimpinan pengurusan diri, hubungan sosial dengan rakan serumah dan kepimpinan pengurusan kediaman.

#### Data Keseluruhan Nilai Alpha Cronbach

<b>Instrumen</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
Perhubungan dengan Pencipta	0.95
Kepimpinan Pengurusan Diri	0.84
Pengurusan Sosial dengan Rakan Serumah	0.82
Pengurusan Sosial Kediaman	0.83
<b>Nilai Keseluruhan Alpha Cronbach</b>	<b>0.86</b>

Daripada jadual di atas menunjukkan nilai keseluruhan alpha Cronbach adalah 0.86. Menurut Bond dan Fox, 2007, dalam Faizal, Bekri, Ruhizan dan Ridzwan (2014) nilai yang melebihi 0.60 adalah satu nilai yang boleh diterima. Selain itu, ia juga menunjukkan item berkenaan mempunyai kestabilan dan boleh dipercayai serta boleh digunakan dalam kajian penyelidikan yang sebenar.

## PERBINCANGAN

Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), kesahan adalah suatu usaha untuk menentukan sesuatu alat ukuran yang telah dibina dapat mengukur dengan tepat apa yang sepatutnya diukur. Dengan itu, kesahan kajian ini telah melibatkan lima orang pensyarah daripada Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), dua daripadanya merupakan pakar dalam bidang sains kemanusiaan, dua darinya lagi adalah pakar dalam bidang *Soft Skill* dan seorang pakar bahagian penyelidikan dan pembangunan merangkap pakar bahasa untuk melihat struktur penggunaan bahasa yang digunakan. Penglibatan pakar dalam kesahan ini membantu penilaian secara sistematik, terhadap kandungan modul bagi menghasilkan sebuah modul yang sesuai untuk digunakan kepada para pelajar.

Dapatan hasil penilaian daripada pakar yang terlibat iaitu peratus purata kandungan modul adalah 78%. Nilai yang diperoleh adalah lebih tinggi daripada nilai minima iaitu 70%. Menurut Sidek dan Jamaluddin (2005) peratusan yang melebihi 70% mempunyai kesahan kandungan yang baik. Selain itu, nilai ini juga menunjukkan kesemua syarat-syarat kesahan modul telah dipenuhi dengan jayanya. Ini membuktikan bahawa Modul TKDPLK berupaya menyalurkan apa yang sepatutnya disampaikan.

Penambahbaikan juga telah dilakukan berdasarkan komen-komen yang diberikan oleh pakar. Perkara ini dilakukan bagi memantapkan lagi modul yang dihasilkan. Daripada ulasan pakar, majoriti masalah adalah berkenaan dengan kesalahan tatabahasa. Penggunaan 'di', 'ke', penggunaan huruf besar dan kecil dan kesalahan ejaan. Selain itu, terdapat juga komen berkenaan dengan terdapat beberapa kenyataan tiada sumber rujukan dan sumber gambar yang diambil. Namun begitu, terdapat juga pakar yang menyatakan modul dihasilkan adalah baik dan mantap. Setelah penambahbaikan dilakukan daripada komen-komen yang diberikan oleh pakar, Modul TKDPLK menjadi lebih baik dan lebih mantap daripada sebelum ini dan amat sesuai untuk dijalankan kepada para pelajar.

Hasil dapatan kebolehpercayaan pula bagi pembolehubah kepercayaan kepada Pencipta, nilai *Alpha Cronbach* adalah sebanyak 0.95. Hasil penilaian ini sangat tinggi. Menurut Bond dan Fox, 2007, dalam Faizal, Bekri, Ruhizan dan Ridzwan (2014), nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.80 adalah baik dan diterima. Bagi dapatan analisis transformasi pengurusan diri nilai *Alpha Cronbach* adalah 0.84. Seterusnya, data analisis pengurusan sosial dengan rakan serumah pula, nilai kebolehpercayaan adalah 0.82 dan yang terakhir adalah data analisis transformasi pengurusan kediaman iaitu sebanyak 0.83. Dapatan daripada keempat-empat kategori ini menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* adalah tinggi dan item-item di bahagian berkenaan berada dalam keadaan baik. Malah, borang soal selidik ini sesuai untuk diberikan kepada para pelajar luar kampus. Daripada keseluruhan analisis data kebolehpercayaan skor *Alpha Cronbach* bagi kepercayaan kepada Pencipta, transformasi pengurusan diri, pengurusan sosial dengan rakan serumah dan pengurusan kediaman adalah 0.86. Nilai skor ini menunjukkan, instrumen berada dalam keadaan yang sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi serta amat sesuai untuk digunakan dalam penyelidikan yang sebenar.

## PENGHARGAAN

Penyelidik ingin memberikan penghargaan kepada Universiti Malaysia Pahang yang memberikan geran RDU1603145 bagi membolehkan kajian ini berjalan dengan jayanya.

## RUJUKAN

- Al- Quran Darul Iman (2007). *Terjemahan Al-Quran – Resm Uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Ahmad (2006). *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Human Resources Academy.

- Afzamiman Aripin (2012). *Modul Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik Dalam Latihan Perguruan Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor
- Alauddin Sidal (2003). *Manusia dan Budaya Kerja*. Dipetik dari Qalam Intura: Penerbitan Intan Wilayah Utara.
- Baharom Mohamad, Johdi Salleh & Noraini Hashim (2009). *Kepimpinan Pendidikan Berkesan*. Seminar Kepengetuaan Kebangsaan Ke-VI- Halatuju Kepimpinan Sekolah Untuk Penambahbaikan Yang Mapan. Institut Kepengetuaan, Kampus Kota Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail (2015). *Kecerdasan Ruhaniah Membentuk Manusia Unggul*. *Islamiyyat* 37(2)2015:97-105. [Http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2015-3702-01](http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2015-3702-01).
- Faizal, Bekri, Ruhizan & Ridzwan, (2014) First Technical and Vocational Education International Seminar 2014 (TVEIS 2014) *Kesahan dan Kebolehppercayaan Instrumen Pemindahan Pembelajaran berdasarkan Pendekatan Model Rasch: Kajian Rintis* Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Feng, M., Xiong, X. Y. & Li, J. J (2017). *Spiritual Intelligence Scale-Chinese Form: Construction and Initial Validation*. DOI 10.1007/S12144-017-9678-5.
- Hamidah Abdul Rahman, Norlin Ahmad & Shah Rollah (2009). *Konsep-Konsep Asas Hubungan Etnik* dimuat turun <http://eprints.utm.my/14559/1/HamidahAbdulRahman2009Konsep-konsepAsas Hubungan Etnik.pdf>
- Hasan Abdul Wahid. (2006). *SQ Nabi : Aplikasi Strategi dan Model Kecerdasan Spiritual Rasulullah di masa kini* ,Jogjakarta : IrcisoD
- Hussin Sarju (2013). *Membangunkan Buku Panduan Pembangunan Sahsiah Pelajar Asrama Secara Holistik di SM.Vokasional Perdagangan Johor Bahru* Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamal Azmi, Indriaty Ismail & Nasir Omar (2014). *Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat*. International Research Menagment and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). Kuala Lumpur.
- Ridwan Umamit & Siti Mulyani (2016). *Hubungan Antara Kecerdasan Spiritual Dengan Stress Kerja Pada Perawat Di Klaten*. Fakultas Psikologi Universitas Ahmad Dahlan Yogyakarta.

Rozmi Ismail (2015). *Metodologi Pendidikan Teori Dan Praktis*. UKM Holding Sdn Bhd  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad (2005). *Pembinaan Modul; Bagaimana Membina Modul  
Latihan dan Modul Akademik*. Universiti Putra Malaysia: Serdang.

Undang-undang Malaysia Akta 174 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.  
Diterbitkan Oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di Bawah Kuasa  
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 2009.

Zulkiple, A.G. & Salimah, A. M. (2006). *Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan  
Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali*.